


PENGENALAN DUTI SETEM DI BAWAH AKTA SETEM 1949

Apakah itu Duti Setem?

- Duti Setem ialah duti yang dikenakan di bawah Akta Setem 1949 (AS) ke atas surat cara.
- Menurut seksyen 2 AS, surat cara adalah termasuk setiap dokumen bertulis.
- Dokumen bertulis tersebut terbit daripada aktiviti perjanjian, kontrak, jual beli harta tanah, jual beli saham, sewaan harta tanah dan sebagainya.



Struktur Akta Setem



- 10 bahagian undang-undang substantif
- 4 Jadual
- Tafsiran istilah menurut seksyen 2

Skop pengenaan duti



- Subseksyen 4(1) AS
 - Surat cara yang dirujuk dalam peruntukan AS dan disenaraikan dalam Jadual Pertama AS adalah dikenakan duti setem pada kadar duti sebagaimana ditetapkan di bawah Jadual tersebut. Contohnya surat akuan, perjanjian sewa atau kontrak penggajian.
 - Kewajipan ini terpakai tanpa mengira bilangan pihak yang menandatangani instrumen tersebut, termasuk surat cara yang ditandatangani oleh satu pihak sahaja, selagi instrumen itu mewujudkan atau mempunyai kesan undang-undang sebagaimana diperuntukkan dalam Jadual Pertama AS, contohnya surat cara *bond* dan surat akuan.
-

Peruntukan Pengecualian/ Pengurangan/ Peremitan Duti




Terdapat dua pengecualian duti setem :

- Pengecualian Am di bawah seksyen 35 Jadual Pertama AS.
- Pengecualian di bawah butiran 2,4,23,24,32,49,58 dan 59 Jadual Pertama AS.
- Pengecualian/pengurangan/peremitan duti oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 80 AS.

* Surat cara yang layak dikecualikan atau diremitkan duti masih perlu dikemukakan kepada LHDNM untuk penyeteman bagi tujuan pengendorsan bahawa duti dikecualikan atau diremitkan.

Jenis Taksiran



Dua jenis taksiran:

- Taksiran disifatkan melalui Sistem Taksir Sendiri [Perenggan 36(1)(a) AS]
 - Dilaksanakan dalam 3 fasa mulai 1.1.2026:
 - Fasa 1** pada 1.1.2026 untuk kategori surat cara sekuriti, sewa/pajakan dan penyeteman am
 - Fasa 2** pada 1.1.2027 untuk kategori surat cara pindah milik harta tanah yang tidak melibatkan penilaian JPPH
 - Fasa 3** pada 1.1.2028 untuk kategori surat cara selain Fasa 1 dan Fasa 2
- Taksiran formal [Perenggan 36(1)(b) AS]

Skop pengenaan duti



- Duti setem ditentukan berdasarkan kandungan dan kesan undang-undang dokumen, bukan pada namanya. Contohnya suatu *Purchase order* (PO) yang berfungsi sebagai suatu perjanjian, *bond* atau *covenant* yang mempunyai implikasi perundangan, maka ia dianggap surat cara dan tertakluk kepada duti setem yang berkaitan walaupun pada amnya PO tidak dikenakan duti PO tidak dikenakan duti di bawah Jadual Pertama AS.
- Subseksyen 4(3) AS
 - Menerangkan dalam suatu transaksi jualan, pajakan, cagaran, penyelesaian, pertukaran atau pembahagian yang melibatkan beberapa surat cara untuk melengkapkan suatu transaksi, hanya surat cara utama yang akan dikenakan duti seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama AS.
 - Pihak yang terlibat boleh menentukan surat cara yang boleh dianggap surat cara utama.
 - Surat cara lain yang digunakan untuk melengkapkan transaksi tersebut hanya dikenakan duti RM10 setiap satu.

Jenis duti



- Duti tetap RM10
 - Contoh surat cara : surat cara pendua, polisi insurans dan surat cara indemniti kehilangan buku bank.
- Duti ad valorem
 - Dikenakan berdasarkan amaun/nilai balasan dalam suratcara atau nilai pasaran.
 - Contoh surat cara : Borang 14A, Memorandum of Transfer (MOT), perjanjian sewaan dan perjanjian pajakan.

Tuntutan bayaran balik atas duti yang dibayar



- Pembayar duti dibenarkan menuntut relif/bayaran balik seksyen 50B, 57,58, subseksyen 21(7), dan 80(3) AS.
- Permohonan relif/bayaran balik di bawah seksyen 50B, 57 dan 58 perlu dikemukakan kepada LHDNM dalam tempoh 24 bulan :
 - selepas penyata difailkan bagi relif di bawah seksyen 50B AS.
 - selepas tarikh surat cara atau selepas tarikh disempurnakan oleh pihak yang pertama atau satu-satunya pihak yang menyempurnakan surat cara (sekiranya surat cara tiada tarikh) bagi relif di bawah seksyen 57 & 58.

Prosedur bantahan dan rayuan atas taksiran



Bantahan atas taksiran:

- Pembayar duti boleh membuat bantahan kepada LHDNM dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis taksiran atau taksiran tambahan - Seksyen 38A AS.
- Jika pembayar duti masih tidak berpuashati dengan keputusan semakan semula taksiran, rayuan secara bertulis boleh dibuat ke Mahkamah Tinggi dalam tempoh 21 hari dari tarikh keputusan taksiran tersebut - Seksyen 39 AS.
- Pembayar duti hendaklah membayar duti yang telah ditaksir walaupun pembayar duti sedang dalam proses bantahan/rayuan.

Siapa yang perlu
bayar duti?



Seksyen 33

- Bagi surat cara yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga, bayaran duti dibuat oleh orang yang dinyatakan dalam Jadual yang sama. Contoh pihak yang perlu membayar duti ialah :

<u>Jenis Surat Cara</u>	<u>Pembayar Duti</u>
- Perjanjian pinjaman pelajaran	- Penanggung obligasi (<i>obligor</i>) iaitu peminjam (pelajar)
- Perjanjian pinjaman perumahan	- Penggadai/penggadai janji (<i>chargor/mortgagor</i>) iaitu peminjam
- Kontrak perkhidmatan	- Penanggung obligasi (<i>obligor</i>) iaitu pihak yang berakujanji untuk membayar bagi perkhidmatan tersebut
- Borang 14 KTN	- Penerima pemberian/penerima pindah milik (<i>grantee/transferee</i>) contohnya pembeli
- Perjanjian sewaan/pajakan tanah	- Penyewa/penerima pajakan (<i>lessee</i>)
- Salinan perjanjian sewaan/pajakan tanah	- Pemberi sewa/pajakan (<i>lessor</i>)

- Bagi surat cara selain daripada yang dinyatakan dalam kolum Pertama Jadual Ketiga, bayaran duti dibuat oleh orang yang menyediakan, membuat atau menyempurnakan surat cara.
-

-
- Contoh pengiraan duti :

Contoh 1 : Kontrak Perkhidmatan

Satu perjanjian kontrak perkhidmatan telah dibuat oleh Syarikat ABC (penerima perkhidmatan) melantik Syarikat ZY, sebuah syarikat penyelenggaraan (pemberi perkhidmatan) untuk membersihkan bangunan syarikat ABC. Tempoh kontrak adalah untuk 1 tahun dengan amaun berjumlah RM50,000 yang akan dibayar oleh Syarikat ABC kepada Syarikat ZY.

Pengiraan duti menurut Butiran 22 pada kadar RM5 bagi setiap RM1,000 atau sebahagian daripadanya:

$$\text{RM50,000} \div 1,000 = 50$$

$$\text{Duti yang dikenakan} = 50 \times \text{RM5} = \mathbf{\text{RM 250}}$$

Syarikat ABC bertanggungjawab untuk membayar duti ke atas perjanjian kontrak perkhidmatan tersebut.

Nota:

Walau bagaimanapun, terdapat perintah peremitan duti setem di bawah P.U.(A) 428/2021 yang boleh terpakai bagi surat cara yang layak.

Contoh 2 : Borang 14A KTN

Encik Adam menjual sebuah rumah teres miliknya kepada Puan Lily dengan harga pasaran RM500,000. Borang 14A perlu dibuat untuk memindah milik/menukar nama Encik Adam kepada Puan Lily di dalam geran tanah.

Pengiraan duti dibuat berdasarkan harga jualan dan nilai pasaran harta tersebut (yang mana lebih tinggi) menurut Butiran 32(a) pada kadar seperti dalam Jadual Pertama:

- i. RM1.00 bagi setiap RM100 untuk RM100,000 pertama = RM1,000
- ii. RM2.00 bagi setiap RM100 untuk RM400,000 berikutnya = RM8,000

$$\begin{aligned} &\text{Jumlah duti yang dikenakan ke atas surat cara :} \\ &= \text{RM1,000} + \text{RM8,000} \\ &= \text{RM9,000} \end{aligned}$$

Puan Lily sebagai pembeli rumah bertanggungjawab membayar duti ke atas Borang 14A tersebut.

Contoh 3 : Perjanjian pinjaman

Syarikat TUV Berhad (pemberi pinjaman) telah memberi pinjaman berjumlah RM100,000 kepada anak syarikatnya iaitu Syarikat JKL (penerima pinjaman). Satu perjanjian pinjaman telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak.

Pengiraan duti menurut Butiran 22 pada kadar RM5 bagi setiap RM1,000 atau sebahagian daripadanya:

$$\text{RM100,000} \div 1,000 = 100$$

$$\text{Duti yang dikenakan} = 100 \times \text{RM5} = \mathbf{RM500}$$

Syarikat JKL sebagai peminjam adalah pihak yang perlu membayar duti ke atas perjanjian pinjaman tersebut.

Kenapa perlu
setemkan surat
cara?



- Setiap surat cara yang dinyatakan dalam Jadual Pertama AS hendaklah disetemkan bagi memenuhi kehendak undang-undang sebagaimana peruntukan seksyen 4 AS.
- Seorang pegawai awam seperti hakim, majistret dan pendaftar boleh menahan mana-mana surat cara yang tidak disetem dengan sempurna sebagaimana peruntukan seksyen 51 AS.
- Surat cara yang layak dikenakan duti tetapi tidak disetemkan sewajarnya tidak boleh diterima sebagai keterangan di mahkamah sebagaimana peruntukan seksyen 52 AS.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tarikh : 6 November 2025

Tarikh kemaskini : 29 Disember 2025

s.k. : LHDN.AG.BCD.600-1/10/3